

Jaminan kejayaan RMK-9

Oleh DATUK AHMAD SIDEK

UM-10/4/2006

Kejayaan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dalam RMK-9 ini bergantung kepada pelaksanaannya. Ia memerlukan jentera pelaksanaan yang cekap amanah serta adil

ADA dua perkara yang menarik perhatian saya dalam RMK-9 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini. Yang pertama, semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dihidupkan semula. Kedua pembangunan seimbang di antara negeri-negeri atau wilayah.

Kedua-duanya adalah teras bahkan nadi kepada DEB yang diwujudkan pada tahun 1970. Walaupun kita telah meninggalkan jauh titik permulaan dasar ini namun apa yang hendak kita capai dan juga menjadi sasaran dalam dasar pembangunan negara hingga ke saat ini tetap berpaksikan kepada semangat DEB yang merangkumi serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan pembentukan semula masyarakat dalam semua bidang ekonomi bagi mencerminkan isi penduduk negara dewasa ini dan juga di masa hadapan.

Hanya dengan berpaksikan dasar yang sedemikian kita boleh menjamin kestabilan politik, sosial dan ekonomi negara kita yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan.

Bolehkah kita menjadi negara maju pada tahun 2020 jika 70 peratus isi penduduk negara ini hanya mempunyai 18 peratus sahaja kekayaan negara?

Kejayaan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dalam RMK-9 ini bergantung kepada pelaksanaannya. Ia memerlukan jentera pelaksanaan yang cekap amanah serta adil. Mengapa DEB berjaya dan berkesan sekali mencapai matlamatnya dari tahun 1970 hinggalah ke tahun 1983? Bagaimana kita berjaya selama satu dekad mengemblem tenaga semua kaum di negara ini khususnya kaum bukan bumiputera dan juga bangsa asing yang pada ketika itu menguasai pemilikan harta dalam bidang korporat hingga 98 peratus untuk bekerja sama melaksanakan dasar tersebut?

Di sinilah peranan penting yang dimainkan oleh jentera-jentera pelaksanaan dasar ini khususnya Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelidikan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri untuk menghakis perasaan yang sedemikian di kalangan mereka.

Tidak kurang juga pentingnya peranan ahli-ahli politik yang mempamerkan ketelusan serta kejujuran mereka berganding bahu dengan kakitangan Kerajaan berkhidmat untuk rakyat.

Pendek kata tidak ada ahli politik yang

mengambil kesempatan menggunakan kedudukan atau kuasa untuk meraih keuntungan peribadi dalam melaksanakan dasar tersebut hingga menjadi buah mulut orang ramai pada ketika itu.

Zaman awal pelaksanaan DEB juga menyaksikan wujudnya Barisan Nasional (BN) yang juga dianggotai oleh Pas di bawah pimpinan Allahyarham Tun Razak Perdana Menteri Malaysia Kedua. Hampir semua parti politik memberi sokongan padu kepada kepimpinan untuk menjayakan dasar ini yang menjadi agenda negara dalam suasana perpaduan rakyat yang cukup kuat dan erat dengan bersandarkan Rukun Negara.

EPU bertanggungjawab menyediakan program dan projek pembangunan yang berkenan dan ICU dipertanggungjawabkan memantau pelaksanaannya hingga ke akar umbi bagi memastikan program pembangunan menepati sasarannya dan mengikut jadual yang ditetapkan.

Kedua-dua agensi ini yang juga disokong oleh jabatan berkenaan telah menjalankan tugas masing-masing melaksanakan dasar serta program dan projek yang telah ditetapkan secara profesional, cekap dan adil tanpa diganggu gugat oleh percaturan politik atau perniagaan.

Kesetiakawanan di kalangan kakitangan awam cukup kuat bukan kerana mengharapkan imbuhan atau pangkat tetapi semata-mata untuk berkhidmat dan berbakti kepada bangsa dan negara.

Semangat ini telah diperkuatkan lagi menerusi inspirasi dan teladan yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin negara khususnya Allahyarham Tun Razak.

Yakin

Tidak ada kedengaran ungkapan "cakap tak serupa bikin". Pendek kata sistem penyampaian awam cukup teratur dan berkesan. Agensi-agensi Kerajaan yang bekerjasama dengan pihak swasta dalam melaksanakan DEB ini tidak pernah mendapat tohmahan seperti penyelewengan, salah guna kuasa, pilih kasih dan sebagainya. Perbuatan rasuah tidak pernah kedengaran atau berlaku.

Atas kesungguhan dan keikhlasan da-

lam melaksanakan dasar ini, kaum bukan bumiputera dan juga pelabur asing menjadi yakin setelah melihat dengan jelas apa yang sebenarnya berlaku dan dilakukan oleh pihak yang berwajib di bawah DEB ini. Jika hari ini kita masih membicarakan unsur-unsur seperti ketelusan akauntabiliti dan sebagainya, semuanya telah wujud dan diamalkan di waktu itu. Itulah sebabnya pihak kaum bukan Bumiputra tidak mempersoalkan DEB. Bahkan mereka juga telah bersama sama mendapat manfaat darinya da kadangkala lebih lagi dari kaum bumiputera sendiri.

Kesimpulannya jika kita mahu memastikan supaya RMK-9 ini tidak gagal maka jentera pelaksanaannya mesti dikemas kini dan diperkuatkan dari peringkat yang tertinggi hinggalah ke peringkat terbawah hingga ke corok kampung dan desa. Semua pegawai serta kakitangan kerajaan termasuk juga menteri yang dipertanggungjawabkan mesti turun padang sepertimana yang dilakukan di zaman Allahyarham Tun Razak dulu, menjalankan tugas dengan amanah, jujur dan cekap.

Apa yang berlaku di akar umbi dilaporkan kepada Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Walaupun cara berkomunikasi tidaklah begitu canggih dan menyeluruh dibandingkan dengan sekarang namun laporan yang tepat dan mutakhir bagi tiap-tiap program dan projek pembangunan disediakan dalam masa yang ditetapkan.

Tidak ada menteri atau Ketua Jabatan terlepas daripada pengawasan Majlis ini dalam menjalankan tugas harian dan tanggungjawab mereka.

Soalnya bolehkah diwujudkan semula tahap da keberkesanan sistem penyampaian awam seperti di zaman tahun 70-an dulu dalam melaksanakan RMK-9 iaitu dengan cekap, ikhlas dan amanah? Dan bolehkah juga ahli-ahli politik kita hari ini bersungguh-sungguh menjalankan tugas atas dasar berkhidmat untuk rakyat dan negara tanpa terpalit dengan unsur-unsur rasuah, pilih kasih, salah guna kuasa dan sebagainya untuk dijadikan teladan kepada rakyat jelata,

supaya tidak kedengaran lagi suara-suara sumbang yang berbentuk kritik-kritik seperti menuduh orang ramai atau kumpulan-kumpulan tertentu sahaja yang membolot kekayaan, kebanyakan peluang perniagaan, mendapatkan kontrak, membekal barang-barang dan juga peluang-peluang untuk melabur dan sebagainya. Bolehkah harta dan kekayaan negara hasil dari pertumbuhan ekonomi negara, peluang perniagaan, pekerjaan menambah ilmu untuk pembentukan modal insan diagihkan secara adil dan saksama kepada semua lapisan rakyat?.

Jika kita betul-betul menghayati semangat DEB dan melaksanakannya mengikut semangat tersebut dari awal hingga ke akhir kita tidak akan berhadapan dengan apa yang kita hadapi pada hari ini seperti jurang berbezaan pendapatan yang begitu ketara di antara kaum dan juga dalam sesuatu kaum, di antara luar dan dalam bandar.

Di samping itu kita juga berhadapan dengan keadaan pembangunan negeri-negeri atau wilayah yang tidak seimbang. Pembangunan yang tertumpu kepada sebilangan kecil kawasan-kawasan tertentu sahaja seperti di Lembah Klang telah mengundang banyak akibat buruk dan negatif dari penghijrahan beramai-ramai hinggalah isi penduduknya menjadi terlalu pesat. Ini meningkatkan lagi kos sosial bagi mengadakan perkhidmatan asas seperti perumahan, kesihatan dan pengangkutan. Atas kesedaran inilah maka dasar pembangunan wilayah telah mula diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua 1971-1976.

Dalam pemerintahan Allahyarham Tun Razak beberapa kawasan pembangunan wilayah seperti Jengka, Tigasegi dan Pahang Tenggara (DARA) di Pahang, Kejora di Johor dan Terengganu Tengah (Ketengah) di Terengganu telah diwujudkan untuk dibangunkan dengan aktiviti ekonomi yang sesuai berasaskan sumber-sumber asli yang terdapat di kawasan tersebut secara berterusan berasaskan kemapanan. Dengan wujudnya pekerjaan di kawasan-kawasan tersebut, ia akan dapat mengurangkan penghijrahan penduduk khususnya kaum belia dari negeri-negeri ini ke bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur.

Dengan menghidupkan semula dasar pembangunan wilayah dalam RMK-9 maka dapatlah kita memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan di antara negeri-negeri atau wilayah.